

*Artikel*

**Bunga Anggerik di Atas Pagar: Satu Analisis Berdasarkan Perspektif Pengkaedahan Alamiah**  
(*Bunga Anggerik Di Atas Pagar: An Analysis from the Perspective of Pengkaedahan Alamiah*)

Fatin Farah Adlina Mazlan & Zubir Idris\*

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [zidris@ukm.edu.my](mailto:zidris@ukm.edu.my)

Diserah: 02 Mei 2025

Diterima: 02 Ogos 2025

**Abstrak:** Manuskrip Melayu merupakan khazanah intelektual yang mencerminkan keunggulan tamadun masyarakat Melayu tradisional dan juga warisan berharga yang ditinggalkan oleh para ulama serta cendekiawan Melayu hasil daripada pengaruh kedatangan Islam ke Alam Melayu. Manuskrip Melayu ialah sebuah dokumen bertulis tangan dalam tulisan Jawi yang merangkumi pelbagai bidang seperti agama, perubatan, undang-undang, sejarah dan sastera. Makalah ini memberi tumpuan kepada naskhah *Bunga Anggerik di Atas Pagar* iaitu sebuah manuskrip lama yang tidak terdapat dalam pangkalan data kajian di institusi pengajian tinggi sama ada peringkat tempatan maupun antarabangsa. Ketiadaan rekod dalam pangkalan data menunjukkan bahawa naskhah tersebut belum pernah menjadi subjek dalam kajian akademik. Naskhah ini merupakan manuskrip yang berunsurkan Islam dan telah diperoleh dari Perpustakaan Negara Malaysia dengan kod manuskripnya MKM 4842. Kaedah analisis yang digunakan ialah Pengkaedahan Alamiah berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Pengkaedahan Alamiah terbahagi kepada tiga bahagian iaitu pendekatan gunaan, moral dan firasat. Dapatkan kajian memperlihatkan bahawa elemen persekitaran seperti alam sekitar memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat, di samping moral positif dan negatif yang mampu dijadikan panduan kehidupan serta firasat mimpi sebagai petunjuk dalam menyelesaikan konflik. Perbincangan dalam makalah ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan manuskrip Melayu sebagai warisan intelektual yang bernilai tinggi.

**Kata kunci:** Alam sekitar; firasat mimpi; moral; manuskrip Melayu; pengkaedahan alamiah; Teori Pengkaedahan Melayu

**Abstract:** The Malay manuscript is a valuable intellectual heritage that reflects the excellence of traditional Malay civilisation and serves as a legacy left by Malay scholars and intellectuals, influenced by the advent of Islam in the world. A Malay manuscript is handwritten in Jawi script which cover various fields such as religion, medicine, law, history and literature. This paper focuses on the manuscript *Bunga Anggerik di Atas Pagar*, an old Malay text that is not found in the research databases of higher education institutions, either locally or internationally. The absence of records in these databases indicates that the manuscript has yet to become the subject of any academic research. This manuscript which contains Islamic elements was obtained from the National Library of Malaysia and is catalogued under the manuscript code MKM 4842. The analytical method employed is the *Pengkaedahan Alamiah* based on the *Teori Pengkaedahan Melayu* introduced by Hashim Awang in 1989. *Pengkaedahan Alamiah* comprises three main approaches: practical, moral and intuitive. The findings of this study reveal that environmental elements such as the natural surroundings, play

a significant role in the lives of the community, alongside both positive and negative moral values that can provide guidance in life. Additionally, dream are seen as signs that aid in resolving conflicts. The discussion in this paper aims to raise awareness of the importance of Malay manuscripts as a valuable intellectual heritage.

**Keywords:** Environment; dream premonitions; morality; Malay manuscripts; *pengkaedahan alamiah*; *Teori Pengkaedahan Melayu*

## Pengenalan

Kesusasteraan Melayu mempunyai dua kategori iaitu kesusasteraan tradisional dan kesusasteraan moden. Menurut Hashim Awang (1985), kesusasteraan tradisional terdiri daripada prosa dan puisi. Setiap bahagiannya dikembangkan lagi mengikut genre-genrenya yang tersendiri seperti sastera sejarah, sastera hikayat, sastera agama dan sastera kepahlawanan atau dikenali sebagai sastera epik. Manuskrip merupakan salah satu contoh sastera tradisional yang masih wujud sehingga kini.

Manuskrip Melayu merupakan karya bertulis tangan yang menggunakan tulisan jawi dan lazimnya dihasilkan antara awal abad ke-16 hingga awal abad ke-20. Ismail Hussein (dalam Ding Choo Ming, 2003) berpendapat bahawa sastera tradisional merangkumi karya yang ditulis dalam bentuk manuskrip dan juga lisan yang kebiasaannya dihasilkan sebelum abad ke-19, sebelum pengenalan teknologi percetakan oleh mubaligh Eropah di Nusantara. Berhubung perkara ini, Emeis (1968) mengatakan manuskrip-manuskrip ini terbahagi dalam dua bentuk iaitu prosa dan puisi. Prosa meliputi genre seperti sastera hikayat, sastera sejarah dan sastera undang-undang. Sastera hikayat merupakan cerita yang bertulis yang mempunyai gaya bahasa dan bentuk khas. Sastera hikayat kebiasaannya mengetengahkan cerita ajaib dan bertujuan untuk memberi hiburan. Dalam penulisan oleh Ayu Nor Azilah Mohamad dan Rohaini Amin (2016) yang bertajuk "Didaktik dan Ketatanegaraan dalam *Hikayat Isma Yatim*" menyatakan bahawa dalam konteks penerimaan masyarakat Melayu tradisional, istilah "hikayat" merujuk kepada cerita, kisah, dan riwayat.

Naskhah *Bunga Anggerik di Atas Pagar* adalah antara manuskrip Melayu lama yang masih belum dikaji. Naskhah ini bercirikan sastera hikayat dan berunsurkan Islam kerana pengisianya banyak mengetengahkan ciri-ciri keislaman. Naskhah ini merupakan manuskrip dalam bentuk mikrofilem yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia. Kod mikrofilem bagi manuskrip ini ialah NL 1885 manakala kod manuskripnya pula ialah MKM 4842. Penceritaan dalam naskhah ini merupakan sebuah cerita berbingkai berkisarkan tentang seorang Sultan Rom yang telah mendengarkan kisah kehidupan empat orang fakir miskin yang setiap seorangnya mempunyai kisah yang berlainan. Sehubungan itu, objektif penulisan makalah ke atas naskhah ini adalah untuk memperkenalkan naskhah *Bunga Anggerik di Atas Pagar* kepada masyarakat selain menganalisis faktor persekitaran yang menjadi komponen penting dalam kehidupan, nilai-nilai moral dan firasat mimpi yang terdapat dalam naskhah.

## Sorotan Literatur

Kajian terdahulu yang mengaplikasikan Pengkaedahan Alamiah secara menyeluruh masih jarang untuk ditemui. Namun begitu, terdapat beberapa kajian yang telah memberi penekanan khusus terhadap pendekatan moral iaitu salah satu cabang penting dalam kerangka Pengkaedahan Alamiah. Sehubungan dengan itu, kajian-kajian yang menampilkan corak penyelidikan hampir sama telah dijadikan sebagai sumber rujukan penulisan makalah ini.

Kajian lepas yang mengaplikasikan Pengkaedahan Alamiah secara menyeluruh telah dilaksanakan oleh Nurul Fitriaina Mohd Saleh (2017) menerusi penyelidikannya yang bertajuk "*Hikayat Indera Mantri: Satu Kajian Naskhah dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Alamiah (Pengkaedahan Melayu)*." Kajian beliau ini adalah untuk mengenal pasti tentang aspek firasat iaitu mimpi yang penuh dengan keajaiban, moral yang dipenuhi dengan nilai-nilai murni dan aspek gunaan yang merujuk kepada sumbangan hasil sastera ini kepada masyarakat. Dalam kajiannya, aspek firasat iaitu mimpi merupakan mimpi yang membawa petunjuk dan membawa hikmah kepada perubahan besar dalam kehidupan watak utama. Dalam aspek moral pula,

terdapat banyak moral positif yang mampu dijadikan pedoman dalam kehidupan pembaca seperti bertawakal kepada Allah SWT, ikhlas dan bertanggungjawab dalam beragama. Bagi pendekataan gunaan pula, pengkaji menyimpulkan bahawa setiap perbuatan yang baik akan dibalas dengan lebih baik oleh Allah SWT. Perbezaan antara kajian ini dengan kajian terhadap *Bunga Anggerik di Atas Pagar* tidaklah ketara, namun berbeza daripada segi dan konsep pada bahagian pendekataan gunaan. Kajian ke atas *Bunga Anggerik di Atas Pagar* menggunakan pendekatan gunaan berdasarkan faktor persekitaran iaitu alam sekitar sebagai komponen penting dalam kehidupan masyarakat.

Kajian seterusnya telah dilakukan oleh Muhd Firdaus (2022) yang bertajuk *Akal Budi dalam Cerita Rakyat di Tumpat Kelantan: Satu Penelitian terhadap Pengkaedahan Alamiah*. Beliau menggunakan ketiga-tiga pendekatan yang terdapat dalam Pengkaedahan Alamiah iaitu pendekatan gunaan, firasat dan moral. Pendekatan gunaan yang diaplikasi dalam kajiannya memperlihatkan watak-watak dalam cerita rakyat memanfaatkan objek di sekeliling mereka untuk mencari kebaikan yang positif dalam kehidupan. Kajian yang dijalankan juga memperlihatkan unsur moral yang positif seperti sikap sabar dan toleransi. Kajian ini menjadi sumber rujukan yang penting kerana memaparkan pelbagai maklumat berkaitan Teori Pengkaedahan Melayu khususnya Pengkaedahan Alamiah yang diperoleh melalui dapatan kajian.

Kajian lain yang menggunakan pendekatan moral berdasarkan teks manuskrip telah dilakukan oleh Siti Fatimah Baharum (2023) yang bertajuk "*Hikayat Nabi Musa Munajat: Satu Kajian Naskhah dan Analisis Moral*". Kajian ini meneliti pelbagai moral yang terkandung dalam hikayat tersebut, antaranya nilai kesabaran, tanggungjawab, amanah, serta amalan menziarahi orang sakit yang mencerminkan keprihatinan sosial masyarakat. Selain itu, moral negatif seperti perbuatan zina, penderhakaan dan mengumpat turut dikenangkan sebagai bentuk kritikan terhadap kelakuan yang bertentangan dengan norma dan etika Islam. Huraian nilai-nilai ini membuktikan bahawa naskhah tradisional bukan sahaja sarat dengan unsur naratif bahkan berperanan sebagai medium pendidikan moral yang boleh dijadikan panduan dan pedoman hidup oleh masyarakat pada masa ini. Perbezaan ketara antara kedua-dua kajian ialah kajian ini memperolehi moral menerusi perbualan Nabi Musa dengan Allah SWT manakala naskhah *Bunga Anggerik di Atas Pagar* pula memperolehi moral daripada isi penceritaan hikayat yang disampaikan oleh pengarang.

Dalam pelaksanaan kajian ini, pendekatan keagamaan yang merupakan salah satu komponen dalam Teori Pengkaedahan Melayu turut dijadikan sebagai bahan rujukan. Pendekatan tersebut telah diaplikasikan dalam kajian terdahulu oleh Nur Syazwani Bederohisham dan Zubir Idris (2020) menerusi kajian yang bertajuk *Syair suka duka dalam pelayaran ke Mekah: Satu analisis pengkaedahan keagamaan*. Penulisan ini membincangkan syair yang berunsur Islam sebagai medium dakwah dan digunakan oleh pengarang untuk menyampaikan ajaran agama kepada khalayak pembaca. Analisis terhadap naskhah ini memperlihatkan pelbagai gambaran yang mengangkat keagungan dan kekuasaan Allah SWT seperti penegasan terhadap kemuliaan Kaabah sebagai pusat ibadah umat Islam. Bukan itu sahaja, naskhah ini turut merakam kisah riwayat Nabi Muhammad SAW sebagai teladan utama dalam kehidupan beragama. Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam analisis naskhah ini merupakan aspek penting yang menjadikannya relevan sebagai rujukan dalam kajian terhadap *Bunga Anggerik di Atas Pagar* kerana telah memberikan pemahaman yang mendalam dan terperinci terhadap teori tersebut.

Berdasarkan penelitian terdahulu, jelas menunjukkan bahawa pendekatan Pengkaedahan Alamiah dalam Teori Pengkaedahan Melayu telah digunakan secara meluas dalam kajian-kajian manuskrip. Namun begitu, masih belum terdapat kajian yang menggunakan naskhah *Bunga Anggerik di Atas Pagar*. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelomongan tersebut serta memperkayakan khazanah penyelidikan berkaitan manuskrip Melayu.

## Metodologi

Perbincangan dalam makalah ini dilaksanakan melalui pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan sebagai strategi utama pengumpulan data. Dalam konteks ini, Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM) telah dijadikan sebagai pusat rujukan utama bagi memperoleh sumber primer kajian. Sumber primer yang digunakan ialah sebuah manuskrip bertajuk *Bunga Anggerik di Atas Pagar* yang diperoleh dalam bentuk salinan lembut (*soft copy*).

Makalah ini juga menggunakan sumber sekunder yang merangkumi bahan-bahan ilmiah seperti buku akademik, artikel dan jurnal yang relevan. Sumber-sumber sekunder ini digunakan untuk menyokong, memperkuuh dan memperluaskan dapatan serta perbincangan yang dikemukakan.

Bagi tujuan analisis kandungan, perbincangan dalam makalah ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang dengan penumpuan khusus kepada Pengkaedahan Alamiah yang terbahagi kepada pendekatan gunaan, moral dan firasat. Pendekatan ini digunakan untuk meneliti dan memahami nilai-nilai serta aspek-aspek budaya yang terkandung dalam naskhah *Bunga Anggerik di Atas Pagar* secara mendalam dan berstruktur. Tujuan teori ini dihasilkan kerana penggunaan teori barat telah digunakan secara berleluasa dalam menganalisis karya-karya Melayu. Teori barat telah menunjukkan perbezaan yang amat ketara khususnya terhadap nilai-nilai masyarakat. Hal ini ada dinyatakan oleh Che Abdullah Che Ya (2018), bahawa sastera Melayu haruslah dikaji dengan menggunakan pengkaedahan sendiri supaya sifat dan ciri-cirinya tidak hilang.

## Hasil Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan analisis terhadap naskhah *Bunga Anggerik di Atas Pagar* berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu khususnya menerusi Pengkaedahan Alamiah. Menurut Muhd Norizam Jamian et al., (2023), Pengkaedahan Alamiah berteraskan gaya hidup masyarakat Melayu yang menganggap alam memberikan manfaat dan faedah kepadanya. Manfaat yang diberikan alam kepada masyarakat Melayu adalah seperti menyediakan pekerjaan yang mampu menjana sumber pendapatan, memberikan pengalaman, pengajaran dan lain-lain. Berdasarkan pendekatan ini, sastera dipandang sebagai sebuah objek alam yang mempunyai persamaan dengan alam semesta. Akan tetapi, alam semesta merupakan ciptaan Allah SWT manakala sastera merupakan hasil ciptaan manusia. Hasil analisis ini telah dikategorikan kepada tiga pendekatan yang terdapat dalam Pengkaedahan Alamiah iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat.

### 1. Pendekatan Gunaan

Pendekatan gunaan adalah satu pendekatan yang beranggapan bahawa sastera merupakan salah satu daripada objek alam iaitu objek daripada hasil ciptaan Tuhan. Menurut Mana Sikana (1945), karya sastera dilihat sebagai satu objek alam yang kejadiannya mempunyai sebab, hikmah dan fungsi tertentu. Karya sastera ini juga mampu dimanfaatkan oleh manusia sama seperti kejadian objek alam yang lain. Dalam pendekatan ini, objek alam adalah salah satu sumber ilham pengarang untuk diterapkan ke dalam sesbuah karya sastera. Perkara ini merupakan suatu elemen penting dalam menggerakkan cerita dan juga berperanan dalam menghidupkan cerita.

Dalam penulisan Nurul Aina Ibrahim dan Mas Rynna Wati Ahmad (2023) dijelaskan tentang alam bukan sahaja mampu memberi kesejahteraan jiwa, namun turut mampu dimanfaatkan kepada penghasilan karya sastera. Perhubungan antara alam dan manusia adalah erat sejak dahulu lagi dan menyebabkan kebergantungan manusia terhadapnya tinggi sehingga melahirkan budaya yang digalurkan bagi sesbuah kaum. Dalam naskhah *Bunga Anggerik di Atas Pagar*, pendekatan gunaan ini dapat dilihat dengan jelas melalui beberapa peristiwa yang menunjukkan alam dijadikan sebagai salah satu elemen yang memberi makna kepada manusia. Antaranya adalah:

#### *Alam Sebagai Sumber Kehidupan Masyarakat*

Masyarakat Melayu saling bergantung kepada alam dalam menjalani kehidupan. Alam banyak memberi manfaat pada kehidupan manusia seperti menentukan pekerjaan dan pengalaman. Kehidupan masyarakat juga dipengaruhi oleh alam sekitar seperti hutan, sungai dan tanah. Menurut Hashim (2002), kitab *Tajul Muluk* memperlihatkan dengan nyata bagaimana masyarakat Melayu bergantung kepada alam dalam kehidupan mereka. Kitab ini menjadi panduan popular dalam masyarakat Melayu tradisi. Setiap objek alam yang terdapat dalam dunia ini memiliki fungsinya yang tersendiri dan juga manfaat yang mampu diperolehi daripadanya. Pendekatan gunaan yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu menganggap bahawa sastera merupakan salah satu objek alam ciptaan manusia yang mempunyai fungsi dan hikmahnya tersendiri. Perkara ini boleh

dilihat melalui penulisan sastera iaitu objek-objek alam ciptaan Tuhan seperti laut atau hutan yang menjadi tempat untuk mencari rezeki:

*"adalah nasib kita ini telah dituliskan oleh Tuhan kita yang demikian ini hidup kita ini mencari makan hanyalah kita mengambil kayu junjung di atas kepala kita menjual barulah kita peroleh sedikit nasi[k] dengan garam. Dan jika tiada kita kerjakan yang demikian ini ia pun tiadalah kita mendapat sekali (-) kali. Dan adalah cetera yang bukan (-) bukan itu engkau ceterakan barangkali kita hilang umur kita di dalam mulut harimau atau kepada mulut binatang yang buas (-) buas itupun tiadalah ketentuannya diri kita ini sekali"*

(MKM 4842: 83)

Setiap objek alam memiliki tujuan penciptaannya yang unik dan penuh makna. Allah SWT tidak menciptakan sesuatu perkara melainkan ada manfaatnya. Naskhah *Bunga Anggerik di Atas Pagar* mengetengahkan objek alam iaitu kayu sebagai sumber rezeki dan pendapatan dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Petikan tersebut menjelaskan bahawa terdapat watak dalam naskhah ini yang amat bergantung pada sumber alam. Watak yang terlibat adalah sepasang suami isteri yang sudah berusia. Mereka meneruskan kehidupan dengan berusaha mencari rezeki di hutan dengan menjunjung kayu di atas kepala. Sumber alam iaitu kayu yang dikutip dalam hutan tersebut akan dijual untuk mendapatkan makanan seperti nasi dan garam demi kelangsungan hidup. Alam memainkan peranan yang sangat penting sebagai sumber kehidupan masyarakat. Masyarakat Melayu memiliki hubungan yang erat dengan alam semula jadi sehingga setiap unsur alam diangkat sebagai komponen penting dalam pembentukan nilai dan budaya mereka.

#### *Alam Sebagai Tempat Perlindungan*

Alam merujuk kepada persekitaran semula jadi yang meliputi segala unsur seperti hutan, laut, gunung, Sungai serta flora dan fauna yang terdapat di bumi. Setiap unsur alam mempunyai fungsinya yang tersendiri. Sejak zaman dahulu, masyarakat amat bergantung dengan alam memandangkan alam adalah ciptaan Allah SWT yang bermanfaat. Alam bukan sahaja menjadi sumber untuk kelangsungan hidup manusia akan tetapi juga menjadi tempat perlindungan. Sebagai contoh, hutan yang rimbun menjadi tempat tinggal kepada pelbagai spesis haiwan dan tumbuhan selain memberi kepentingan untuk manusia. Dalam naskhah *Bunga Anggerik di Atas Pagar*, fungsi alam sebagai elemen perlindungan jelas tergambar melalui petikan tertentu dalam teks. Alam tidak hanya berperanan sebagai latar fizikal malah berfungsi sebagai pelindung:

*"Maka tiadalah hamba bertemu kepada suatu jalan jua dan hamba hendak bertanya (-) tanya kepada seorang jua pun tiadalah berjumpa sekali (-) kali [2] manusia. / Maka pada hal yang demikian itu, maka adalah sepoohon kayu besar sekali di padang itu. Maka adalah kayu itu dahannya terlalu ramping sekali adalah seperti payung besarnya dan dapatlah orang beribu (-) ribu boleh berteduh di bawah pohon kayu itu. Maka hamba dudukkanlah tuan puteri itu di bawah pohon kayu itu seraya kata hamba, "Hai tuan puteri yang baik paras dan badan seperti bunga dan rupa bercahaya seperti bulan empat belas hari penuh terangnya kepada sekalian alam ini, melainkan tuan duduklah di bawah pohon kayu ini. Maka hamba pergi mencari (-)cari jalan supaya kita boleh berjalan dan sebaik lagi."*

(MKM 4842: 75-76)

Petikan di atas menggambarkan alam khususnya sebuah pohon kayu berperanan sebagai tempat perlindungan bagi watak yang bergelar Tuan Puteri. Tuan Puteri telah berteduh di bawah pohon kayu tersebut sementara suaminya yang dikenali sebagai Fakir Pertama mencari jalan untuk keluar dari tempat asing itu. Kejadian ini memperlihatkan fungsi alam iaitu pohon kayu sebagai tempat perlindungan. Dengan berteduh di bawah pohon kayu itu, Tuan Puteri berpeluang merehatkan diri seketika sebelum meneruskan perjalanan. Peristiwa ini memberi gambaran bahawa manusia amat bergantung kepada alam kerana menyediakan perlindungan bagi kelangsungan kepada kehidupan manusia.

Setiap insan bergantung kepada alam sebagai asas kelangsungan hidup sama ada daripada segi sumber makanan, perlindungan mahupun keperluan asas yang lain. Hubungan antara manusia dan alam semula jadi

terjalin dalam ikatan yang saling melengkapi kerana alam menyediakan keperluan dan kesejahteraan manakala manusia memikul tanggungjawab untuk memelihara serta melindungi alam demi kelestarian hidup bersama.

Pendekatan gunaan yang terdapat dalam naskhah *Bunga Anggerik di Atas Pagar* memperlihatkan setiap ciptaan mempunyai hikmahnya termasuk juga karya sastera yang mempunyai peranannya yang tersendiri. Perkara ini selari dengan pandangan Hashim Awang (2002) yang berpendapat bahawa sastera ialah objek alam iaitu objek daripada ciptaan manusia yang perlu dilihat kejadiannya mempunyai fungsi tertentu dalam penghasilannya.

## 2. Pendekatan Moral

Pendekatan moral adalah berdasarkan daripada pendekatan gunaan iaitu sastera berupa kejadian dan objek. Hashim Awang (2002) mengatakan sastera itu wujud sebagai alat yang dapat memberi pelbagai faedah. Pendekatan moral juga disifatkan sebagai pengalaman hidup melibatkan peristiwa yang dialami oleh manusia sama ada memberikan kesan positif ataupun negatif. Pendekatan ini memperlihatkan unsur-unsur pengajaran yang dapat memberikan teladan kepada masyarakat dan panduan dalam kehidupan. Dalam pendekatan ini juga, penilaian moral dilakukan melalui kaedah yang sistematik untuk mencapai keputusan yang beretika. Moral merupakan pengalaman hidup iaitu pengalaman yang dilalui manusia dalam kehidupan dan mempunyai maklumat yang berkaitan dengan manusia seperti kejiwaan, kepercayaan dan keagamaan. Karya kesusasteraan Melayu tradisional kaya dengan isu-isu moral yang mampu dijadikan sebagai pengalaman kepada khalayak. Dalam naskhah *Bunga Anggerik di Atas Pagar* terdapat dua moral iaitu positif dan negatif.

### *Moral Positif*

Moral positif merujuk kepada sikap yang mencerminkan kebaikan dan tingkah laku yang baik serta merupakan elemen utama dalam membentuk individu yang berperibadi mulia. Antara moral positif yang terdapat dalam naskhah ini adalah seperti sikap prihatin terhadap orang lain dan adil dalam menjatuhkan hukuman:

#### *i. Prihatin terhadap orang lain*

Prihatin merujuk kepada sifat mengambil berat dan perhatian terhadap sesuatu perkara. Istilah prihatin juga boleh diguna pakai untuk menunjukkan sifat peduli sesama insan. Prihatin merupakan salah satu nilai moral kerana melaluinya dapat dipupuk sikap tolong-menolong. Hal ini dikatakan demikian kerana, seseorang yang mempunyai sikap prihatin akan mengambil berat dan memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan. Sifat prihatin yang tinggi mampu untuk mengekalkan keharmonian dan keamanan dalam sesebuah masyarakat.

Sikap prihatin terhadap orang lain akan melibatkan empati iaitu mempunyai kemampuan dalam merasai kesukaran yang sedang dialami oleh seseorang individu. Kebiasaannya individu yang mempunyai sifat prihatin akan memahami dengan mendalam tentang perasaan orang lain. Sikap prihatin turut ditonjolkan dalam *Bunga Anggerik di Atas Pagar* menerusi watak Fakir Pertama yang digambarkan merawat individu yang mengalami kecederaan akibat perbuatan khianat:

*“Maka kata fakir ini, “Hai Tuan Jarhasi! Sebab kerana tuan ceterakan banyaknya dan tuan mengubatilah dengan bersungguh (-) sungguh itu, maka hamba pun tetaplah fikiran katanya itu. Maka kata hamba dan jika tiada dikiranya tuan menolong kepada hamba, nescaya matilah hamba sebagai lagi dengan percintaan ini.” Maka Jarhasi itu bermohonlah kembali ke rumahnya. Maka hamba pun tinggallah seorang diri menjaga akan perempuan itu dengan bersungguh (-) sungguh dan hamba pun lupalah daripada makan dan minum sekali (-) kali.”*

(MKM 4842: 23)

Peristiwa yang digambarkan dalam petikan tersebut memperlihatkan nilai moral prihatin yang ditonjolkan melalui watak Fakir Pertama, seorang fakir miskin yang menunjukkan kedulian terhadap nasib seorang perempuan yang ditemuinya di dalam peti ketika sedang menunggu pintu kota Negeri Damsyik dibuka. Keadaan perempuan tersebut yang cedera parah dan berlumuran darah telah menimbulkan rasa belas kasihan dalam diri Fakir Pertama. Bertindak atas keprihatinannya, beliau mendapatkan bantuan perubatan

dengan memanggil seorang tabib terkemuka di negeri tersebut untuk merawat perempuan itu. Tindakan ini bukan sahaja menggambarkan keperibadian yang luhur, malah menzahirkan mesej moral yang penting dalam kehidupan bermasyarakat. Nilai keprihatinan yang dipaparkan secara naratif dalam naskhah ini berperanan sebagai teladan sosial yang menggalakkan empati, tanggungjawab dan sikap saling membantu dalam kalangan masyarakat.

### *ii. Adil Dalam Menjatuhkan Hukuman*

Islam telah meletakkan keadilan sebagai tonggak utama dalam kehidupan umatnya. Menurut Muhd Norizam dan Shaiful Bahri (2013), konsep keadilan dalam Islam merujuk kepada prinsip menempatkan segala sesuatu pada kedudukan yang tepat dan benar dalam segenap aspek kehidupan manusia. Adil juga dapat dilihat sebagai satu keadaan yang memerlukan keputusan atau tindakan diambil adalah hasil daripada pertimbangan yang teliti.

Sifat adil amat penting dalam diri individu khususnya kepada golongan raja atau pemimpin kerana perkara ini akan melibatkan dalam pembuatan sesuatu keputusan. Golongan pemimpin khususnya seorang raja wajib memiliki sifat adil kerana merupakan salah satu syarat utama untuk menjadi seorang raja. Hal ini telah dijelaskan dalam buku penulisan yang telah dibincangkan Khalif Muammar A. Haris berkaitan ilmu ketatanegaraan berdasarkan huraian kitab yang ditulis Raja Ali Haji iaitu *Thamarat al-Muhimmah*. Dalam kitab *Thamarat Al Muhimmah* telah menggariskan syarat-syarat untuk menjadi seorang raja dan salah satunya adalah adil. Perkara ini boleh dilihat melalui petikan berikut:

*Shahdan, Inilah Segala Sebab Yang Mengesahkan Menjadi Raja. Adapun Segala Syaratnya 'Ala Al-Jumlah:*

- i. *Bahawa Hendaklah Raja Itu Islam, Yang Teguh Memegang Ugama Islam;*
- ii. *Ii. Dan Laki-Laki Yang Mukallaf;*
- iii. *Iii. Dan Merdeka*
- iv. *Iv. Lagi Adil;*
- v. *V. Lagi Yang Mempunyai Ijtihad Yang Elok;*
- vi. *Vi. Dan Mempunyai Bicara Yang Baik;*
- vii. *Vii. Dan Pendengaran Yang Baik Dan Penglihatan Yang Baik;*
- viii. *Viii. Dan Mempunyai Berani Yang Tetap;*
- ix. *Ix. Dan Yang Rajin Tiada Jemu Dan Malas Daripada Mendirikan Kerajaannya;*
- x. *X. Lagi Pantas Segera Berbangkit Pada Tiap-Tiap Pekerjaan Yang Jadi Kebajikan.*

*Maka Inilah Setengah Syarat Raja Atas Yang Dihimpunkan.*

(Khalif Muammar A. Harris, 2016: 84-85)

Sifat adil ialah salah satu ciri kepimpinan yang paling utama sebagaimana yang diketengahkan oleh Raja Ali Haji. Keadilan dianggap sebagai tonggak utama dalam sistem pemerintahan kerana berperanan mewujudkan suasana harmoni dalam kalangan rakyat serta memastikan sesuatu perkara diletakkan pada kedudukan yang sewajarnya. Kepentingan dalam melaksanakan keadilan bukan hanya tertumpu pada hubungan sesama manusia, akan tetapi juga merupakan amanah daripada Allah SWT (Ghazali Mohd Ros & Shaiful Bahri Md. Radzi, 2019)

Naskhah *Bunga Anggerik di Atas Pagar* turut memperlihatkan prinsip keadilan dalam kepimpinan melalui watak Raja Naufal khususnya dalam konteks pelaksanaan hukuman terhadap individu yang berbohong dan bercakap besar:

*"Maka Raja Naufal pun hukumkanlah kepada orang yang bercakap besar itu dihukumnya dan dipukulnya pada seorang(-)seorang lima ratus kali pukul dengan kasut. Maka dipalulah oranglah kepada orang banyak itu dengan kasut. Maka adalah yang pecah kepalamya dan berdarah dan ada pula yang berhamburan [h]otaknya mati sekali [d] melainkan halnya sekalian orang itu mendapat hukumnya oleh Raja Naufal itu."*

(MKM 4842:86)

Peristiwa dalam naskhah ini memperlihatkan tindakan Raja Naufal menjatuhkan hukuman bunuh terhadap individu yang melakukan penipuan ke atas dirinya. Keputusan ini mencerminkan keadilan dalam kepimpinan baginda memandangkan penipuan merupakan sebuah bentuk manipulasi yang mempunyai tujuan untuk memperoleh keuntungan secara tidak sah. Pelaksanaan hukuman yang tegas oleh Raja Naufal telah mencerminkan sifat adil seorang pemerintah. Sifat adil harus diterapkan dalam kehidupan kerana dapat mewujudkan kehidupan yang sejahtera.

### *Moral Negatif*

Moral negatif merujuk pada sikap, perilaku atau tindakan yang dianggap tidak bersesuaian dengan norma masyarakat serta bertentangan dengan ajaran agama. Antara moral negatif yang terdapat dalam naskhah ini adalah seperti perbuatan meminum arak dan membuat fitnah seperti yang berikut:

#### *i. Meminum arak*

Dalam bahasa Arab, arak disebut sebagai khamar yang memberi erti kepada penutupan iaitu mampu menutup akal fikiran manusia dari kewarasan. Menurut Yusuf al-Qaradawi (1998), arak ialah minuman yang memabukkan dan dihasilkan daripada biji-bijian atau buah-buahan melalui proses tertentu sehingga mencapai kadar alkohol yang memabukkan. Arak dikategorikan sebagai berbahaya kerana mempunyai kandungan alkohol yang tinggi.

Pengambilan arak atau minuman beralkohol secara berlebihan boleh mendatangkan kesan buruk terhadap kesihatan fizikal dan mental serta mampu mempengaruhi tingkah laku seseorang. Arak atau dikenali sebagai minuman keras adalah perkara yang ditegah oleh ajaran agama Islam kerana membawa mudarat kepada akhlak seseorang mukmin. Berdasarkan ulama, penentuan hukum pengharaman arak adalah disebabkan sifat minuman itu yang memabukkan.

Arak merupakan salah satu minuman yang diamalkan oleh masyarakat Arab pada zaman Jahiliyah. Setelah kedatangan Islam, Islam telah mengharamkan perbuatan meminum arak dan terdapat ayat dalam Al-Quran yang secara jelas menegaskan larangan daripada Allah SWT terhadap arak kerana mempunyai kesan buruk dan akan merosakkan akidah serta akhlak seseorang mukmin:

*“Mereka bertanya kepadamu tentang khamar dan judi. Katakanlah: Pada keduanya itu terdapat dosa besar dan beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfaatnya.”*

*(Surah Al-Baqarah, 2: 219)*

Petikan daripada Surah Al-Baqarah tersebut menjelaskan bahawa dosa yang ditanggung akibat meminum khamar atau berjudi adalah lebih besar daripada sebarang kebaikan yang mungkin diperoleh daripadanya. Islam mengharamkan kedua-dua perkara ini untuk melindungi penganutnya daripada kemudaran yang lebih besar dan menjaga akidah seseorang daripada terpesong.

Naskhah *Bunga Anggerik di Atas Pagar* telah mengetengahkan peristiwa pengambilan khamar yang memberi kesan negatif pada kehidupan seseorang individu:

*“Maka budak Yusuf itu tiadalah ia tahu akan marah hamba kepadanya itu lagi ia minum juga minuman itu bertambah(-)tambah mabuknya tiada sedarkan dirinya kedua(-) duanya dan menjadi tiadalah ia menakuti sekali(-)kali kepada hamba dan hilanglah malunya dan sopannya sebab kerana sahutnya itu. Maka ia bermain(-)main kedua(-)duanya dengan mabuknya menjadi tiadalah berketauhan lakunya di hadapan hamba.”*

*(MKM 4842: 67)*

Berdasarkan petikan tersebut diperlihatkan kesan negatif pengambilan khamar atau arak melalui watak Yusuf yang digambarkan dalam keadaan mabuk sehingga hilang kawalan diri dan berkelakuan tidak sopan. Keadaan ini mencerminkan penggunaan khamar mampu melumpuhkan pertimbangan akal dan menyebabkan seseorang bertindak di luar kawalan yang menjelaskan moral serta norma masyarakat. Kesan buruk ini secara tidak langsung mengangkat mesej moral yang penting tentang bahaya pengambilan arak yang bukan sahaja merosakkan akhlak malah turut membawa kepada kemusnahan diri.

Daripada sudut pandangan Islam, arak dikategorikan sebagai ‘ibu segala kejahanan’ kerana menjadi pemangkin kepada pelbagai bentuk maksiat dan jenayah. Terdapat hadis yang menyatakan bahawa sesiapa yang meminum arak, ibadah solatnya tidak akan diterima selama empat puluh hari. Bukan itu sahaja, jika seseorang itu meninggal dunia tanpa sempat bertaubat maka tidak akan memasuki syurga. Larangan ini bukan sekadar berbentuk hukuman tetapi juga sebagai peringatan tentang kerosakan yang akan berlaku apabila seseorang meminum arak.

### *ii. Berbuat fitnah*

Fitnah merupakan satu bentuk bencana yang membawa kepada penyebaran cerita tidak baik. Menurut petikan yang diambil daripada laman sesawang rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2019), Ibn Athir menjelaskan bahawa istilah fitnah lazimnya digunakan oleh masyarakat Arab bagi merujuk kepada ujian. Namun begitu, istilah ini kemudian turut digunakan untuk menggambarkan makna yang lebih luas seperti kekufuran, pembunuhan dan kebakaran. Fitnah boleh berlaku dalam pelbagai bentuk seperti penyebaran berita palsu dan tuduhan tidak berasas. Perkara ini bertujuan untuk menjatuhkan seseorang kerana mempunyai sifat dengki atau dendam terhadap seseorang. Kesan daripada fitnah tidaklah berfokuskan kepada individu yang difitnah sahaja akan tetapi juga mampu menjelaskan keharmonian masyarakat. Tindakan daripada fitnah mampu mencetuskan konflik dan pergaduhan dalam masyarakat. Fitnah turut mencemarkan maruah dan nama baik seseorang.

Dalam kehidupan masyarakat yang berkembang maju dan teknologi serba canggih, fitnah boleh berlaku di mana sahaja seperti di media sosial iaitu *Facebook*, *Whatsapp* dan *Instagram*. Berita palsu dan tuduhan tanpa bukti sering kali tersebar luas di platform tersebut sehingga menyebabkan individu yang difitnah dihakimi tanpa melalui proses yang adil. Fitnah boleh berlaku dalam masyarakat tanpa mengira status atau hubungan antara individu sama ada rakan-rakan mahupun ahli keluarga. Dalam konteks naskhah *Bunga Anggerik di Atas Pagar*, perkara ini ada dinyatakan seperti dalam petikan berikut:

*“Setelah itu, maka datanglah orang banyak melihat. Kata orang banyak itu, "apakah salahnya orang yang daif ini tuan(-)tuan kedua memukul ini". Maka jawabnya, "Adapun ia ini orang gaji saudara hamba yang tua[h] sekali berlayar di dalam kapal itu pun ada serta mengikut tiba(-)tiba ia tolakkan saudara kedua laut. Lamanya sudah aku kedua mencari ia segenap negeri dan segenap pulau(-) pulau hanyalah sudah aku tiada dapat.”*

(MKM 4842: 67)

Petikan tersebut memperlihatkan perbuatan fitnah yang dilakukan oleh dua saudara kandung terhadap watak Khoja iaitu seorang saudagar yang difitnah sebagai orang suruhan mereka serta dituduh mengambil harta milik bersama. Fitnah yang dilemparkan oleh kedua-dua saudaranya itu jelas berpunca daripada sifat hasad dengki yang mendalam terhadapnya. Tuduhan tidak berasas tersebut akhirnya membawa kepada hukuman yang tidak adil ke atas Khoja, apabila beliau dipenjara dan dijatuhi hukuman mati. Perbuatan fitnah mampu mendorong kepada hukuman yang tidak adil kerana suara majoriti yang memiliki kuasa dalam menentukan sesuatu perkara itu adalah salah atau benar.

Agama Islam melarang untuk melakukan perbuatan fitnah kerana fitnah merupakan perbuatan teruk. Perbuatan fitnah amat dibenci oleh Allah SWT dan terdapat ayat di dalam al-Quran mengenai larangan kepada golongan mukmin supaya tidak melakukan fitnah. Allah SWT amat murka kepada pembawa fitnah:

*“Dan orang yang paling dimurkai Allah S.W.T ialah orang yang pergi membawa fitnah, memecahbelahkan di antara persaudaraan dan mencaci orang yang tidak bersalah terhadap kesalahan yang tidak dilakukannya.”*

(Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia: 2019)

Hadis tersebut menjelaskan tentang bahawa perbuatan fitnah yang mampu memutuskan silaturahim adalah perbuatan yang tergolong dalam amalan yang amat dimurkai Allah SWT. Silaturahim yang seharusnya dibina dengan penuh kasih sayang dan saling menghormati akan hancur apabila seseorang itu terlibat dalam penyebaran fitnah. Fitnah mampu menggugat keharmonian dalam masyarakat dan mendorong kepada rasa ketidakpercayaan antara satu sama lain.

Pendekatan moral yang diketengahkan oleh Hashim Awang dalam Teori Pengkaedahan Melayu merujuk kepada pengalaman yang dilalui oleh individu tertentu. Pengalaman-pengalaman ini memberi kesan yang mendalam dalam membentuk pandangan dan tingkah laku seseorang. Oleh itu, pendekatan ini menekankan bahawa moral dan nilai adalah pengalaman sebenar yang memberi impak besar dalam kehidupan individu atau masyarakat.

### 3. Pendekatan Firasat

Pendekatan firasat adalah pendekatan yang menganggap bahawa sastera ialah suatu kejadian alam yang terhasil daripada pengalaman yang diperolehi dalam kehidupan. Pendekatan firasat kebiasaannya dapat dilakukan terhadap mimpi iaitu suatu kejadian alam yang memiliki makna tersirat dan mampu dikenal pasti melalui takbir serta tafsiran. Syaidul Azam Kamarudin dan Arbaie (2017) menyatakan bahawa mimpi merupakan proses penemuan makna melalui tafsiran terhadap lambang-lambang tertentu yang membawa alamat tersirat. Hal ini bersesuaian dengan sifat mimpi itu sendiri yang sering dianggap sebagai pengalaman hidup yang dipenuhi dengan misteri. Masyarakat Melayu turut mempercayai bahawa mimpi berperanan sebagai petunjuk yang membawa makna dalam kehidupan selari dengan konsep pendekatan firasat. Pendekatan firasat dapat dilihat melalui peristiwa yang berkaitan mimpi. Mimpi adalah fenomena alam yang mempunyai makna tersendiri dan dapat ditemui menerusi takbir dan tafsiran:

#### *Mimpi Sebagai Suatu Tanda Meminta Pertolongan*

Mimpi dianggap sebagai cerminan daripada perasaan dan pemikiran dan kebiasaannya berlaku di luar kesedaran seseorang individu. Mimpi dipercayai memiliki makna yang mendalam dan mampu menjadi petunjuk atau petanda tentang perkara yang sedang berlaku dalam kehidupan. Salah satu tafsiran yang sering dikaitkan dengan mimpi adalah sebagai penanda bahawa seseorang sedang memerlukan pertolongan atau sokongan. Mimpi boleh muncul dalam pelbagai bentuk seperti didatangi seseorang dan mengalami situasi seakan-akan penggembalaan.

Pendekatan firasat dalam Teori Pengkaedahan Melayu turut mengaitkan mimpi sebagai suatu bentuk ramalan atau petunjuk yang datang daripada alam di bawah sedar. Firasat dalam budaya Melayu dilihat sebagai perasaan yang datang tanpa disedari untuk memberikan gambaran tentang peristiwa yang bakal berlaku. Dalam hal ini, mimpi yang dialami mampu dilihat sebagai bentuk firasat yang memberikan amaran atau petanda bahawa seseorang mungkin memerlukan pertolongan dan menghadapi cabaran yang memerlukan bantuan seseorang:

*Maka adalah pada suatu malam, maka aku bermimpi, maka aku lihat di dalam mimpiku itu seorang tua[h] kepadaku. Maka katanya, "Hai puteri! Segeralah engkau bangun pergi tengah malam ini jua di bukit habis Nabi Sulaiman itu dan sekarang pun segeralah engkau keluarkan orang muda[h] yang di dalam perigi itu dan engkau berjalan bersama(-)sama dan mahulah engkau mengikut dan menurut katanya. Jika tiada engkau menurut katanya, nescaya binasalah engkau. Maka setelah aku terkejut, maka segeralah aku berjalan kerjakan"*

(MKM 4842:172-173)

Peranan mimpi sebagai medium penyampaian petunjuk melalui pengalaman watak seorang perempuan yang didatangi oleh seorang lelaki tua dalam mimpiinya. Dalam mimpi tersebut, perempuan itu diarahkan untuk pergi ke Bukit Nabi Sulaiman bagi menyelamatkan seorang individu iaitu Khoja yang telah dipenjarakan di bukit tersebut akibat pengkhianatan oleh saudara kandungnya sendiri. Lelaki tua dalam mimpi tersebut turut memberi amaran bahawa kegagalan mematuhi arahan itu akan mendatangkan bencana. Bukit Nabi Sulaiman dalam konteks penceritaan ini berfungsi sebagai tempat hukuman bagi pesalah pada zaman silam. Watak Khoja digambarkan sedang mengalami penderitaan akibat kelaparan serta hampir berputus asa dengan kehidupannya.

Dapatkan ini menunjukkan bahawa elemen mimpi berperanan sebagai petunjuk penting dalam menyelesaikan konflik yang dialami oleh watak dalam teks. Melalui pendekatan firasat yang merupakan salah satu cabang dalam Pengkaedahan Alamiah, mimpi dilihat sebagai wahana penyampaian mesej yang berperanan untuk membantu individu menghadapi kesulitan.

### *Mimpi Sebagai Petunjuk Dalam Menyelesaikan Masalah*

Mimpi merupakan satu tafsiran berkaitan dengan petunjuk untuk menyelesaikan masalah atau mengatasi cabaran yang dihadapi dalam kehidupan. Melalui mimpi, seseorang dapat menerima mesej untuk membantu mereka dalam menyelesaikan masalah. Terdapat mimpi yang merupakan petunjuk atau pertolongan daripada Allah SWT. Kebiasaannya, mimpi daripada Allah SWT yang bersifat benar adalah untuk para nabi dan rasul akan tetapi semua perkara boleh berlaku dengan izin Allah SWT.

Dalam konteks pendekatan firasat, mimpi dianggap sebagai suatu petunjuk atau isyarat yang muncul secara simbolik yang memberi gambaran atau petunjuk kepada seseorang yang sedang menghadapi masalah dengan harapan bahawa petunjuk tersebut dapat membantu individu tersebut untuk mencari jalan penyelesaian dan keluar daripada situasi yang sukar. Mimpi yang muncul dalam keadaan tertentu mampu menjadi panduan yang berguna bagi mereka yang amat memerlukan bantuan:

*“Maka hamba pun tidurlah dengan berfikir(-)fikir juga. Setelah lenyaplah tidur hamba. Maka hamba bermimpilah. Maka datang seorang kepada hamba, maka katanya, "Hai orang muda[h]! Jangan engkau takut dan gentar apa sebab. Maka engkau tiada mahu keluar dari dalam kota ini." Maka kata hamba seraya menangis kepada orang itu, "Bagaimanalah tuan hamba hendak keluar sebab kota ini terlalu besar dan pintulah telah ditudung orang dah tingginya pun terlalu amat dan batunya pun terlalu keras." Maka kata orang itu, "Engkau keluar daripada jalan air kota ini, nanti tuhanmu menolong engkau.”*

(MKM 4842: 208)

Berdasarkan petikan teks, terdapat watak seorang lelaki bermimpi didatangi seseorang yang memberi petunjuk kepadanya untuk keluar daripada kota besar yang sukar untuk ditembusi. Gerangan yang mengalami mimpi itu merupakan suami kepada seorang isteri yang bertawakal kepada Allah SWT dan yakin bahawa pertolongan daripada Allah SWT akan tiba pada suatu hari. Kedua-duanya telah terkurung di dalam sebuah kota yang dipenuhi keranda akibat daripada kepercayaan dan budaya sesebuah negeri yang didudukinya.

Mimpi yang dialaminya ialah pesanan sebagai petunjuk bahawa dengan mengikuti jalan yang disarankan iaitu melalui jalan air akan membantu suami isteri tersebut keluar daripada kota itu. Perkara ini merupakan bantuan daripada Allah SWT yang memberi jalan keluar dalam kesulitan hidup yang dihadapi oleh watak dalam naskhah.

Pendekatan firasat dalam Pengkaedahan Alamiah merupakan suatu proses yang mengungkap makna melalui tafsiran terhadap lambang atau alamat tertentu yang wujud di dalamnya. Menurut Hashim Awang (2002), fenomena ini sering dikaitkan dengan mimpi yang dianggap sebagai suatu pengalaman hidup yang penuh dengan misteri. Oleh itu, mimpi yang dialami oleh individu dianggap sebagai petunjuk atau petanda yang memerlukan tafsiran yang mendalam.

### **Kesimpulan**

Perbincangan dalam makalah ini telah meneliti naskhah *Bunga Anggerik di Atas Pagar* menerusi kerangka Teori Pengkaedahan Melayu khususnya melalui Pengkaedahan Alamiah. Analisis yang telah dilakukan memperlihatkan bahawa naskhah ini memuatkan pelbagai nilai kehidupan masyarakat yang digarap melalui tiga pendekatan dalam Pengkaedahan Alamiah iaitu pendekatan gunaan, moral dan firasat.

Pendekatan gunaan menjelaskan tentang elemen persekitaran seperti alam sekitar didapati memainkan peranan penting dalam struktur kehidupan masyarakat. Alam bukan sahaja berfungsi sebagai latar fizikal, tetapi turut menjadi sumber perlindungan, makanan serta kelangsungan hidup. Pendekatan moral pula telah mengenal pasti moral positif seperti prihatin terhadap orang lain dan adil dalam menjatuhkan hukuman manakala moral negatif pula seperti amalan meminum arak dan berbuat fitnah yang digambarkan sebagai tindakan yang mampu menghancurkan kehidupan seseorang individu. Pendekatan firasat pula digunakan untuk meneliti peranan mimpi sebagai medium penyampaian petunjuk dalam menyelesaikan konflik. Firasat mimpi dalam naskhah ini bukan sahaja menyampaikan mesej petunjuk, tetapi juga menjadi medium yang membawa kepada penyelesaian masalah dalam kehidupan watak.

Penerapan Pengkaedahan Alamiah dalam analisis ke atas naskhah ini berkesan dan relevan kerana telah mengangkat nilai-nilai budaya serta gaya hidup masyarakat yang berteraskan hubungan erat antara

manusia dan alam. Dalam masa yang sama, pendekatan ini turut menekankan aspek moral dan firasat yang dapat dijadikan panduan serta pengajaran kepada kehidupan masyarakat. Diharapkan makalah ini dapat memperkayakan wacana keilmuan dalam bidang kajian manuskrip Melayu yang merupakan khazanah intelektual masyarakat Melayu.

**Penghargaan:** Sekalung penghargaan ditujukan buat Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), Perpustakaan Negara Malaysia yang telah membekalkan bahan dalam bentuk salinan manuskrip MKM4842 *Bunga Anggerik di Atas Pagar* bagi membolehkan kajian dan penghasilan makalah ini dilakukan.

**Konflik Kepentingan:** Konflik yang berlaku adalah konflik antara manusia dengan teknologi. Konflik ini muncul akibat interaksi atau pertentangan antara manusia dengan teknologi, disebabkan oleh kemajuan teknologi yang terlalu cepat, penyalahgunaan atau kesan negatif. Kesukaran membuat pembacaan terhadap manuskrip dihadapi apabila terpaksa menggunakan mikrofilem.

## Rujukan

- Awang, H. (1985). *Mendekati kesusasteraan Melayu*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Awang, H. (2002, June 28–29). *Teori pengkaedahan Melayu dan prinsip penerapannya*. Kertas kerja dibentangkan dalam Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu, Riviera Bay Resort, Melaka.
- Baharum, S. F. (2023). *Hikayat Nabi Musa Munajat: Satu kajian naskhah dan analisis moral* [Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia]. Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Bederohisam, N. S., & Idris, Z. (2020). Syair Suka Duka dalam Pelayaran ke Mekah: Satu analisis pengkaedahan keagamaan. *Jurnal Melayu*, 19, 287–305. Doi link
- Che Ya, C. A. (2018). Manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam *Bedar Sukma Bisu* daripada perspektif pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2), 328–342. Doi link
- Che Yaacob, M. F. (2022). Akal budi dalam cerita rakyat di Tumpat, Kelantan: Satu penelitian terhadap Pengkaedahan Alamiah. *Jurnal Melayu*, 21(1), 129–144. Doi link
- Ding, C. M. (2003). *Kajian manuskrip Melayu: Masalah, kritikan dan cadangan*. Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Emies, M.G.(1968). *Bunga Rampai Melayu Kuno*. Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghazali, M. R., & Radzi, S. B. M. (2019). Ketokohan Saidina Umar dalam dunia kesusasteraan Melayu: Tiga prinsip keadilan Islam menerusi *Hikayat Abu Syahmah*. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 16(5). Doi link kalau ada
- Harris, K. M. A. (2016). *Ilmu ketatanegaraan Melayu Raja Ali Haji: Huraian terhadap Thamarat al-Muhimmah dan Mugaddimah fi Intizam Waza'if al-Malik*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Humaira Publication Sdn Bhd. (2023). *Al-Quran Al-Karim: Tajwid dan terjemahan Humaira (Surah Al-Baqarah, Ayat 219)*. Selangor.
- Ibrahim, N. A., & Ahmad, M. R. W. (2023). Unsur alam dalam *Loagan Bunut* karya Dahiri Saini: Suatu kritikan eko. *Jurnal Melayu*, 22(1), 89–103. Doi link
- Jamian, M. N., & Radzi, S. B. M. (2013). In search of a just leader in Islamic perspective: An analysis of traditional Malay literature from the perspective of adab. *Asian Social Science*, 9(6). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamian, M. N., Hasanudin, M. I. W., & Torodji, A. S. (2023). Imej isteri misali dalam *Hikayat Melayu-Islam: Penerapan metode dakwah melalui Teori Pengkaedahan Melayu*. *Akademika*, 93(1), 237–250. Doi link
- Kamarudin, S. A., & Sujud, A. (2017). Jati diri Melayu dalam *Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu*. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 7(2), 47–63. Doi link
- Mana Sikana. (1945). *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- MKM 4842. (n.d.). *Bunga Anggerik di Atas Pagar* [Manuskrip tidak diterbitkan]. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mohamad, A. N. A., & Amin, R. (2016). Didaktik dan ketatanegaraan dalam *Hikayat Isma Yatim* [Didactic and governance in the *Hikayat Isma Yatim*]. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 13(4).
- Mohd Saleh, N. F. (2017). *Hikayat Indera Mantri: Satu kajian naskhah dan analisis berdasarkan Pengkaedahan Alamiah (Pengkaedahan Melayu)* [Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia]. Pusat Pengajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019, Julai 20). Bayan Linnas Siri ke-182: Bahaya fitnah. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/3483-bayan-linnas-siri-ke-182>
- Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. (2019, bulan tarikh penerbitan). *Hindari Fitnah Demi Perpaduan*. <https://www.yadim.com.my/>.
- Qardawi, Y. (1998). *Halal & haram dalam Islam*. Penerbit Jasmin Enterprise.